



DR YON MAHMUDI merupakan pensyarah Fakulti Kebudayaan Universiti Indonesia, sebagai orang akademik beliau melihat hubungan antara dua negara ini seperti hubungan dua saudara 'benci tapi rindu'.

Dalam temubual bersama pengarang Suara Malaysia, beliau mengatakan kecurigaannya bahawa mungkin terdapat unsur lain, seperti negara ketiga yang 'mencucuk' hubungan Malaysia dan Indonesia. Teori beliau bersandarkan kebimbangan akan muncul kekuatan baru di Asia Tenggara jika Malaysia dan Indonesia terus akrab. Dr Yon, dalam lawatan rasmi untuk bersama-sama rakan di Malaysia menubuhkan Pusat Strategik Malaysia Indonesia (IMSC) yang dirangka untuk menjadi jambatan hubungan kedua negara ini.

Dalam kesempatan singkat, beliau sudi diwawancara Suara Malaysia.net. Ikuti ringkasan temubual ini.

SUARA MALAYSIA: Bagaimana Dr melihat hubungan antara Malaysia dan Indonesia dari segi kebudayaan?

DR YON MAHMUDI: Hubungan dua negara serumpun ini pada saya itu boleh dianalogikan sebagai hubungan dua remaja yang sedang cinta. Selalu ada perasaan benci tetapi rindu, bertengkar tetapi ingin bertemu, dan sebagainya.

Sering kali dalam hubungan tersebut mereka menghadapi masalah-masalah kecil, tetapi dua remaja ini mempunyai tujuan mulia untuk membentuk sebuah ikatan yang kuat, mendirikan rumahtangga secara harmoni dan kekal selamanya. Itu yang ada, tetapi kalau kita lihat dalam

Usaha gagalkan kuasa baru Asia Tenggara

Written by Helme Hanafi

Thursday, 17 September 2009 16:32 - Last Updated Friday, 02 October 2009 00:00

hal ini kalau mahu membentuk sebuah ikatan kuat yang “long term”, ada juga pihak yang berasa cemburu, kenapa ini terjadi? Dan berusaha agar perhubungan jangka masa panjang dua remaja tadi tidak berhasil.

Dr maksudkan ada pihak lain yang tidak senang kalau Malaysian dan Indonesia itu akrab, begitu?

Ya. Mungkin sahaja, lalu pihak kerajaan kedua negara harus menyasat apa benar perkara tersebut. Mungkin orang cemburu dengan kita, kerana kita ini kalau bisa berkerjasama dengan lebih tuntas, bisa menjadi kekuatan baru di rantau ini.

Apa yang menyebabkan rakyat kedua negara mudah terprovokasi terutamanya dalam isu-isu politik, ekonomi, budaya antara dua negara ini?

Ada pihak yang sengaja mencetuskan ini dengan mengambil konflik yang paling dalam, seperti budaya, mereka klarifikasikan sehingga Malaysia adalah Malaysia, Indonesia adalah Indonesia. Sedangkan kedua negara ini serumpun. Pihak ini cuba mengelakkan usaha untuk mempraktikkan dua negara punya satu budaya sehingga nanti terjadi identiti yang terpisah dan dianggap bahawa ada Indonesia, Singapore, Australia, dan hubungan khusus dengan Malaysia itu yang cuba untuk dijauhkan.

Isu politik yang sangat berpengaruh orang ambil sisi dari situ banyak konflik, konfrontasi yang terjadi itu kerana sisi politik dan kita anggap sejarah Asia Tenggara, Nusantara itu sebenarnya tidak pernah terjadi konflik bersenjata tidak pernah berperang, hanya mungkin saling gertak. “awas jangan lakukan”. Lepas tu selesai, kita punya mekanisma, budaya untuk menyelesaikan.

Ketika kemudian integrasi itu juga integrasi yang kukuh antara dua atau berapa bangsa dikawasan itu, sama budaya itu yang kita inginkan. Kita bisa kembali sementara ada negara-negara lain tidak punya budaya. Barisan budaya yang kuat yang bisa menyatukan mereka, mereka hanya dengan politik. Potensi untuk bisa bersama-sama, kalau bicara Asia Tenggara. Kalau bergabung budayanya kuat punya aksi ke depan, Asia Tenggara lebih baik maka secara automatik negara lain akan mengikuti.

Bagaimana Dr melihat jurang antara generasi kedua-dua negara ini?

Sekarang ini kita menyaksikan juga generasi kita yang lahir era tahun 80an, 90an yang tidak punya pendekatan secara rasional, kultural dengan kedua belah pihak. Mereka ini mendapatkan informasi daripada media, facebook, internet dan sebagainya. Kemudian tiba-tiba ada informasi kita bermusuhan ada provokasi dan sebagainya. Indonesia direndahkan angkara Malaysia mencuri sebaliknya. Malaysia mencuri artifak kita, Malaysia melihat Indonesia terlalu provokatif, itu yang terjadi.

Ini kerana hubungan antara orang Malaysia dan Indonesia itu adalah hubungan bersaudara. Kita bisa perhatikan, jika dua saudara bertetangga, selalu ada pergaduhan-ergaduhan kecil yang melibatkan mereka, tetapi apa saya percaya apabila melibatkan perkara besar, seperti bencana kayak tsunami dan gempa bumi, kedua-dua negara saling bantu membantu. Malaysia

dan Indonesia masih ada ikatan keluarga, bersaudara dan itu sebenarnya sumber stabilitasi modal yang dimiliki yang harus dijaga sehingga menjadi saudara yang baik, tetangga yang baik.

Selama kemudian kesamaan itu ada dan masing-masing sedar masing-masing mempunyai tujuan lebih tinggi lagi untuk "long term" itu maka sebenarnya persoalan-persoalan kecil itu akan hilang.

Berbalik kepada soal mencuri adat budaya, Dr ada persoalan yang dilemparkan bahawa bukan Malaysia yang mencuri tetapi orang Indonesia yang berhijrah ke sini membawa bersama-sama adat budaya mereka dan mengembangkannya di sini?

Kalau kita lihat dari sisi budaya bahawa memang sebahagian besar orang Melayu itu berasal dari Indonesia, bahkan Sultan Melaka yang pertama juga merupakan anak raja dari Sumatera. Kerana itu, pada saya, orang Indonesia yang berhijrah, ketika mereka masuk jadi warganegara Malaysia tetap punya legasi, tradisi masa lalu di kampung mereka. Itu tidak hanya dalam bentuk dari tarian, makanan dan sebagainya, kemudian dia masih mempraktikkan, dia mahu mengekspresikan diri warisan masa lalunya. Dia akan kembangkan di sini. Kalau dilihat dari segi positifnya, berterima kasih Malaysia memberikan keluasan bagi warganegara untuk mengamalkan adat budaya masing-masing.

Tradisi yang berkembang dari sisi ini sah-sah saja diungkapkan dan tidak perlu ada claim bahawa ini adalah punya Malaysia, hanya kebetulan warganegara Malaysia mempunyai keturunan Indonesia mengekspresikan dirinya. Ini akan berbeza, ini akan dilihat bahasa Malaysia mempunyai origin lain, keturunan lain, etnik dari Cina, India.

Mereka juga mempunyai budaya tradisi yang memerapkan budaya India dan sebagainya. Ketika ini mereka mengekspresika dalam media. Kalau dia warganegara Malaysia juga jadi bahagian tradisi Malaysia. Cina tidak pernah marah, India tidak pernah marah, tapi dia bersyukur mereka masih boleh berkembang terus, tradisi itu terus dikembangkan.

Sisi lain contoh bahawa kalau mau kita lihat secara adil keturunan Indonesia tidak sahaja di Malaysia ada di Sri Langka, di situ banyak keturunan Jawa, mereka menerapkan tradisi-tradisi mereka dan itu juga sebahagian tradisi-tradisi Sri Langka. Kenapa mereka tidak mempersoalkan budaya yang sudah berkembang di Sri Langka terus menganggapnya keturunan Jawa.

Dr ada sebutkan dalam ceramah mengenai slogan Ganyang Malaysia yang perlu ditukar, boleh jelaskan?

Kita punya slogan yang seram, Ganyang Malaysia, Ganyang itu repoesional Sukarno, Ganyang ertinya habiskan. Slogan ini tidak membawa kepada hubungan yang lebih harmonis, ini ada faktor-faktor lain.

Padahal hubungan masyarakat antara dua negara ini tiada masalah sebenarnya. Ketika peristiwa konfrontasi pada masa itu, antara rakyat Malaysia dan Indonesia pada masa itu interaksinya biasa, mereka tidak terpengaruh, hanya kemudian di Jakarta sahaja yang

Usaha gagalkan kuasa baru Asia Tenggara

Written by Helme Hanafi

Thursday, 17 September 2009 16:32 - Last Updated Friday, 02 October 2009 00:00

menyoalkan itu sampai yang saya ceritakan bahawa tentera yang dihantar di sempadan, dia masuk sempadan masuk wilayah Malaysia, mereka berinteraksi dan saling membantu.

Sebab itu saya katakan, kalau orang memang ingin menghidupkan Ganyang Malaysia, ganti sahaja ganyang dengan goyang, sebab bergoyang rileks. Dari Ganyang Malaysia, ayuh Goyang Bersama Malaysia. Saling bersefahaman antara satu sama lain.